



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD


(No. Syarikat 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

NOTIS REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

Sebagai sebahagian daripada projek Mass Rapid Transit Lembah Klang, **MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD** (902884-V) ("**MRT Corp**") telah membina sebuah bangunan tempat letak kenderaan bertingkat-tingkat untuk menyokong operasi Stesen MRT Phileo Damansara. Oleh itu, MRT Corp berhasrat menjemput para pemaju hartanah yang berminat untuk menyertai RFP ini yang bertujuan untuk melantik Rakan Pemaju yang sesuai untuk bersama-sama MRT Corp membangunkan suatu cadangan pembangunan di atas tempat letak kenderaan sedia ada di Stesen MRT Phileo Damansara.

MRT Corp mempelawa bakal Pembida untuk mengambil bahagian dalam RFP yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT RFP	HARGA DOKUMEN RFP	TAKLIMAT RFP
REQUEST FOR PROPOSAL FOR SELECTION OF DEVELOPMENT PARTNER FOR THE PROPOSED TOPSIDE DEVELOPMENT OVER THE EXISTING CARPARK AT PHILEO DAMANSARA MRT STATION (RFP NO: RFP/PD/Q26-2022)	a) Syarikat Tempatan Memiliki sijil pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang sah. b) Syarikat Asing i. Memiliki salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan. ii. Penyertaan pembida asing adalah dibenarkan dengan membentuk Usahasama/Konsortium bersama syarikat tempatan iii. Ekuiti penyertaan pembida asing tidak melebihi 49% dalam syarikat Usahasama/Konsortium.	Dokumen RFP Softcopy RM 500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus sahaja) dalam bentuk Deraf Bank / Cek Bank pembayaran kepada:- Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V)	Tarikh : Selasa, 8th November 2022 Masa : 11:00 pagi Tempat : Stesen MRT Phileo Damansara Semua Pembida dikehendaki mendaftar secara atas talian menerusi salah satu pautan di bawah:- 1. Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my ; 2. https://forms.gle/zd4oQd1E7QKUn4TT6 ; 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.  Pendaftaran bermula pada Isnin, 31 Oktober 2022 Hanya Pembida yang berdaftar akan dibenarkan untuk menyertai Taklimat RFP tersebut.
KRITERIA MANDATORI			
1. Dana Pemegang Saham* (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Satu Ratus Juta (RM100 juta) . 2. Purata EBITDA sepanjang lima (5) tahun sebelumnya mestilah positif . Nota: *Bagi penyertaan secara Usahasama/Konsortium, penilaian keupayaan kewangan adalah berdasarkan purata mengikut setiap pecahan ekuiti rakan kongsi dalam Usahasama/Konsortium berkenaan.			

Dokumen RFP boleh dibeli bermula dari **9 November 2022 sehingga 23 November 2022** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN RFP	WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER
MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia	Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari and 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari and 3:00 petang – 5:00 petang

Tarikh serahan bagi Dokumen RFP adalah pada **Jumaat, 20th Januari 2023**. Dokumen RFP yang sudah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas Tajuk RFP dan Nombor RFP di bahagian atas tengah sampul surat dan perlu diserahkan **tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Sebarang penyerahan dokumen yang lewat akan dibatalkan penyertaan.

Nota:

- Pembida dibenarkan menubuhkan Usahasama/Konsortium.
- Pembida hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu (1) penyertaan RFP sahaja sama ada sebagai sebuah entiti syarikat atau Usahasama/Konsortium. Pembida yang didapati menyertai lebih daripada satu (1) penyertaan RFP akan dibatalkan keseluruhan penyertaannya secara automatik.
- Penyertaan secara Usahasama/Konsortium hendaklah disertakan bersama dengan Perjanjian Usahasama/Konsortium dan perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, ekuiti bagi setiap rakan kongsi Usahasama/Konsortium dan juga mempunyai klausa yang menyatakan bahawa semua rakan kongsi Usahasama/Konsortium adalah "*Jointly and Severally Liable*" bagi Usahasama/Konsortium tersebut. Pembida tidak dibenarkan untuk menukar rakan kongsi Usahasama/Konsortium selepas tarikh tutup RFP.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui e-mel kepada procurement@mymrt.com.my. Untuk maklumat lanjut berkenaan MRT Corp, sila layari laman web di alamat www.mymrt.com.my.